



30 OCT, 2022

Dua penyelidik wanita harumkan nama Malaysia



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3



Dua penyelidik wanita Malaysia menang dua kategori dalam pertandingan sains ASEAN-AS

32



30 OCT, 2022

Dua penyelidik wanita harumkan nama Malaysia



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Dua penyelidik wanita harumkan nama Malaysia

PUTRAJAYA - Dua penyelidik wanita negara berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila muncul pemenang dua kategori dalam The 8th Underwriters Laboratories-ASEAN-US Science Prize for Women 2022.

Mereka ialah Timbalan Ketua Pegawai Saintifik Cancer Research Malaysia, Dr Sok Ching Cheong dan Pensyarah serta Penyelidik Kanan Universiti Monash, Kampus Malaysia, Dr Maxine Tan.

Dr Ching Cheong memenangi Kategori Saintis Kanan menerusi penyelidikan untuk membangunkan alat tele-rundingan, MeMoSA (Saringan Mulut Mudah Alih) yang merupakan platform kesihatan digital dipacu kecerdasan buatan (AI) bagi pengesahan awal kanser mulut.

Dr Maxine pula memenangi Kategori Saintis Pertengahan Kerjaya menerusi penyelidikan pada pengimejan perubatan dan AI dengan membangunkan model



DR MAXINE



DR CHING CHEONG

penilaian risiko jangka pendek kanser payudara pertama berdasarkan mamografi dan ciri-ciri klinikal serta demografik.

Menerusi kenyataan pada Sabtu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba menyifatkan kejayaan tersebut sebagai pendorong kedua-dua penyelidik itu mencapai tahap lebih tinggi dalam penyelidikan saintifik.

“Kejayaan ini diharap menjadi sumber inspirasi untuk menyemarakkan lagi minat dalam kalangan institusi penyelidikan negara dan para penyelidik negara khususnya saintis wanita untuk menyumbang lebih banyak penyelidikan berkualiti dalam bidang sains, teknologi dan inovasi,” katanya.

The 8th Underwriters Laboratories-ASEAN-US Science Prize for Women 2022 bermakam Kecerdasan Buatan dalam Kesihatan dan Keselamatan merupakan program kerjasama Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN, Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat dan Underwriters Laboratories yang berpangkalan di Amerika Syarikat. - Bernama



30 OCT, 2022

Dua penyelidik wanita harumkan nama Malaysia

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Dua penyelidik wanita Malaysia menang dua kategori dalam pertandingan 32 sains ASEAN-AS

PUTRAJAYA - Dua penyelidik wanita negara berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila muncul pemenang dua kategori dalam The 8th Underwriters Laboratories-ASEAN-US Science Prize for Women 2022. Mereka ialah Timbalan Ketua Pegawai Saintifik Cancer Research Malaysia, Dr Sok Ching Cheong dan Pensyarah serta Penyelidik Kanan Universiti Monash, Kampus Malaysia, Dr Maxine Tan.